



## **PAS DAN TRANSFORMASI POLITIK: KESESUAIAN SEBAGAI PEMBANGKANG ATAU PEMERINTAH**

*(PAS and Its Political Transformation: Suitability as an Opposition or Government)*

Saiyid Radzuwan Syed Sopi<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, Bahagian Sains Politik, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM Penang, Malaysia

*\*Corresponding Author Email: pbsaiyid@usm.my*

Received: 9 December 2021 • Accepted: 23 April 2022 • Published: 30 April 2022

### ***Abstract***

*The hope of Islamic Malaysian Party (PAS) to be part of the ruling government was successfully take place when Alliance of Hope (PH) was overthrown by the National Alliance (PN) through a political coup on 24 Feb 2020. While being the opposition, PAS often threw various criticisms against Barisan Nasional (BN) such as hudud laws, alcohol, gambling, Malay-Islam interests, and others. Such criticism persist even though the Putrajaya administration has changed from BN to PH. For instance, PAS through the cyber troopers and a coalition of PAS-UMNO leaders have attacked PH on the issue of drunk drivers which can cause racial riots. This study is a qualitative study and reference materials that are physical and online are used as reference sources. Thus, this study found that for more than a year PAS has the authority at the federal level but their fiery promises during the opposition seems to be disappeared. There is a possibility that the promises have been overshadowed by the luxuries of life. Furthermore, the people have more respect for the greatness of PAS during the opposition despite the inconsistency of information from its leaders. Although the idea thrown by PAS during the opposition was quite difficult to accomplish, but their courage to dispute a decision is highly anticipated.*

**Keywords:** *Alliance National; Criticism; Cyber trooper; in power; Opposition*

### ***Abstrak***

Hasrat Parti Islam Se-Malaysia untuk menjadi sebahagian daripada kerajaan pemerintah berjaya direalisasikan apabila Pakatan Harapan (PH) ditumbangkan oleh Perikatan Nasional (PN) melalui rampasan

kuasa politik pada 24 Feb 2020. Semasa PAS menjadi pembangkang, mereka sering melemparkan pelbagai kritikan terhadap Barisan Nasional (BN) seperti isu hukum hudud, arak, judi, kepentingan Melayu-Islam dan sebagainya. Kritikan sedemikian tidak berhenti walaupun pentadbiran Putrajaya telah berubah tangan daripada BN ke PH. Sebagai contoh, PAS melalui tentera siber dan gabungan pemimpin PAS-UMNO telah menyerang PH berkaitan isu pemandu mabuk sehingga boleh menimbulkan rusuhan kaum. Kajian ini merupakan kajian kualitatif dan bahan-bahan rujukan yang bersifat fizikal dan atas talian dijadikan sumber rujukan. Justeru, kajian ini mendapati bahawa sudah setahun lebih PAS berkuasa di peringkat persekutuan tetapi janji mereka yang berapi-api sewaktu pembangkang sudah hilang. Terdapat kemungkinan yang boleh menjelaskan bahawa janji tersebut telah ditelan oleh arus kemewahan hidup. Selanjutnya, rakyat lebih menghormati kehebatan PAS semasa menjadi pembangkang walaupun terdapat ketidakseragaman maklumat daripada pemimpinnya. Walaupun idea yang dilontarkan oleh PAS sewaktu pembangkang agak sukar direalisasikan, namun keberanian mereka mempertikaikan sesuatu keputusan amat dinanti-nantikan.

**Kata kunci:** Perikatan Nasional; Kritikan; Tentera siber; Berkuasa; Pembangkang

**Cite as:** Sopi, S.R.S. (2022). PAS and Its Political Transformation: Suitability as an Opposition or Government . *Asian People Journal*, 5(1), 129-143.

## PENGENALAN

Parti Islam Se-Malaysia (PAS) berjaya menjadi sebahagian daripada kerajaan pemerintah setelah Perikatan Nasional (PN) berkuasa sejak 1 Mac 2020. PN yang diketuai oleh Mahyuddin Yassin telah mempelawa PAS untuk menjalankan kerjasama politik dan pelawaan tersebut telah diterima oleh mereka. Hal ini sekali gus membolehkan mereka menjadi sebahagian daripada kerajaan pemerintah. Sejarah menjelaskan bahawa PAS belum pernah menjadi sebahagian daripada kerajaan persekutuan dan tawaran yang dilakukan oleh Mahyuddin telah memberikan peluang kepada mereka untuk menukar status pembangkang kepada pemerintah. Penukaran status telah memberikan kepuasan kepada penyokong tegar, pengikut setia, pengundi atas pagar dan mereka yang tidak berparti. Kebanyakan daripada mereka berpendapat bahawa PAS merupakan parti politik yang sudah mantap pengurusanannya dan pengalaman mereka mengharungi politik Malaysia boleh diguna pakai untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang lebih berdaya saing. Selain itu, mereka juga percaya bahawa kebanyakan pemimpin PAS bebas rasuah dan kebersihan rekod peribadi mampu menjadikan seseorang pemimpin itu mentadbir Malaysia dengan lebih baik (*Malaysiakini*, 13 Apr 2018).

Penukaran status daripada pembangkang kepada pemerintah atau sebaliknya dilihat sebagai satu proses transformasi dan proses tersebut dinanti-nantikan oleh semua pihak. Secara dasarnya, proses transformasi diharap dapat menghasilkan satu keputusan atau pencapaian yang positif. Hal ini kerana kesilapan yang dilakukan oleh pemimpin terdahulu dapat diperbaiki yang sekali gus mampu memberikan kepuasan kepada rakyat. Secara dasarnya, kekalahan parti politik di kubu kuat mereka akan menyebabkan pihak pengurusan parti melakukan kajian untuk mengenal pasti punca kekalahan dan hasil daripada kajian tersebut diharap dapat dijadikan panduan untuk menghadapi pilihan raya seterusnya. Sebagai contoh, proses transformasi untuk menukar kerajaan Barisan Nasional

(BN) kepada Pakatan Harapan (PH) dalam Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU 14) dilihat sebagai satu proses untuk menyelamatkan Malaysia daripada bebanan rasuah berskala besar yang dilakukan oleh pemimpin BN. Justeru, transformasi diklasifikasikan sebagai satu proses penambahbaikan sesuatu pengurusan ke arah yang lebih positif dan proses tersebut mesti dilakukan dalam landasan yang betul.

PAS berpengalaman mentadbir negeri dan semestinya mereka mempunyai keinginan untuk memperluaskan kekuasaannya ke peringkat persekutuan. Sudah menjadi naluri semula jadi ahli politik untuk memperkukuh kuasa daripada peringkat negeri kepada peringkat persekutuan. Hal ini kerana terdapat banyak undang-undang negeri yang gagal dilaksanakan disebabkan oleh sistem federalisme. Sebagai contoh, kerajaan PAS di Kelantan berhasrat melaksanakan hukum hudud, namun impian mereka dihalang oleh kerajaan pusat. Oleh itu, PAS mempunyai alasan kukuh mengapa mereka gagal melaksanakan hukum hudud dan rakyat tidak mempersoalkan kegagalan tersebut. Hal ini kerana rakyat faham tekanan yang dihadapi oleh kerajaan PAS di Kelantan. Justeru, untuk mengatasi kekangan yang menjadi batu penghalang kepada PAS melaksanakan hudud, maka mereka terus berusaha untuk memperoleh kemenangan peringkat pusat dalam PRU 14 walaupun bertanding secara bersendirian. Namun, usaha yang dipamerkan oleh PAS dalam PRU 14 masih gagal mencapai sasaran yang ditetapkan walaupun PAS berkeyakinan akan menjadi *king maker* (Saiyid Radzuwan, 2021, hlm 35).

Sistem federalisme yang diamalkan di Malaysia memberikan kelebihan kuasa kepada kerajaan pusat dan kerajaan negeri mesti mendapatkan kelulusan pusat jika ingin melaksanakan sesuatu tindakan. Terdapat juga undang-undang di bawah kekuasaan kerajaan negeri, tetapi kuasa mutlak terletak ditangan pusat. Sebagai contoh, sejak Kelantan ditadbir oleh PAS pada 1990, hak mereka untuk menerima royalti minyak telah dinafikan walaupun kerajaan Kelantan berjaya membuktikan bahawa minyak yang dicarigali berada dalam perairannya. Namun, situasi ini berubah apabila Putrajaya ditadbir oleh PH pada 2018 dan Kelantan mula menerima wang royalti untuk pembangunan negeri mereka (Nor Fazlina, 15 Okt 2019). Fenomena ini menjadi semakin baik apabila PAS sudah menjadi sebahagian daripada kerajaan pusat dan senario ini membuktikan bahawa kerajaan pusat mempunyai kuasa yang luas untuk memberikan atau menghalang sesuatu bantuan kepada sesebuah negeri. Sebagai contoh lain, kerajaan pusat juga mempunyai kuasa untuk menukar status royalti kepada wang ehsan dan senario ini pernah berlaku di Terengganu apabila negeri itu ditadbir oleh PAS pada 1999.

PAS berpengalaman menjadi ketua kerajaan di beberapa buah negeri seperti di Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perak. Dalam keempat-empat negeri tersebut, Kelantan merupakan negeri yang paling lama dikuasai oleh PAS dan PAS menyedari bahawa kuasa kerajaan negeri terlalu kecil untuk mendesak kerajaan pusat melakukan sesuatu pembaharuan. Oleh itu, PAS perlu mentransformasikan kehebatan mereka ke peringkat yang lebih tinggi agar mereka mampu melaksanakan pelbagai agenda yang meliputi pembangunan negara, sahsiah, kerohanian dan keagamaan. Hasrat PAS untuk menjadi sebahagian daripada kerajaan pemerintah telah direalisasikan apabila berlakunya rampasan kuasa daripada PH kepada PN dan kerajaan PN secara rasminya dipilih sebagai parti pemerintah pada 1 Mac 2021. Pertukaran kerajaan telah memberikan satu kejutan kepada rakyat walaupun terdapat sebilangan daripada mereka berpendapat bahawa PAS mampu menjadi sebuah kerajaan yang baik berdasarkan personaliti yang dipamerkan oleh pemimpin mereka. Namun, persoalan yang terus berlegar dalam kalangan pemikir politik dan rakyat yang tidak mengundi PAS ialah apakah penanda aras yang telah dibuktikan oleh pemimpin PAS sepanjang mereka menjadi sebahagian daripada kerajaan PN?

Justeru, kajian ini akan mengupas secara kritikal bagaimana peranan PAS sebelum dan selepas menjadi parti pemerintah. Sudah semestinya terdapat perbezaan antara pentadbir kerajaan negeri dengan persekutuan dan

kerajaan negeri sering menyalahkan kerajaan pusat jika sesuatu agenda gagal dilaksanakan. Alasan sedemikian dilihat sebagai penyelamat kepada kerajaan negeri untuk melindungi diri mereka daripada dikecam oleh rakyat. Namun, jika kegagalan terus menerus berlaku di peringkat persekutuan, siapakah yang akan dipersalahkan? Harus difahami bahawa peranan kerajaan adalah berbeza dengan pembangkang dan pihak kerajaan sepatutnya mencari jalan penyelesaian ke atas sesuatu masalah dan bukannya mencari alasan untuk menutup kelemahan sendiri. PAS sudah menukar status mereka menjadi kerajaan pemerintah dan mereka tidak boleh lagi berperanan sebagai pembangkang. Oleh itu, perdebatan mengenai peranan PAS sebagai pemerintah akan diperjelaskan dalam tulisan ini dan sudah semestinya tulisan ini akan mencari titik kesimpulan mengenai kewajaran PAS mengekalkan peranannya sebagai pembangkang atau pemerintah.

### ***Pas Semasa Pembangkang***

Setiap pertandingan yang melibatkan dua kumpulan akan diwakili oleh tuan rumah dan pasukan jemputan. Begitu juga fungsi parlimen yang memerlukan pemerintah dan pembangkang. Kehadiran pembangkang dalam parlimen bukannya mencari kesalahan pemerintah, tetapi memastikan setiap keputusan yang akan dilakukan oleh pemerintah melalui proses semak dan imbang (check and balance). Sebagai contoh, apabila BN berhasrat hendak melaksanakan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) pada 1 April 2015, pembangkang terus berhujah dengan menzahirkan bantahannya terhadap undang-undang tersebut. Walaupun suara pembangkang gagal memujuk BN daripada melaksanakan GST, sekurang-kurangnya mereka telah menjalankan peranannya sebagai parti pembangkang seperti yang dikehendaki oleh rakyat. Secara dasarnya, rakyat berharap parti pembangkang mampu berfungsi sebagai pihak yang membuat bantahan terhadap sesuatu peraturan atau undang-undang yang tidak memberikan keuntungan kepada mereka. Justeru, bagaimanakah PAS berfungsi sebagai pembangkang yang berkaliber akan dibahaskan dalam bahagian ini.

Pertama, PAS menjadikan hukum hudud sebagai modal politik dan mendesak Putrajaya agar melaksanakannya di Malaysia. Hukum hudud sudah lama berkemundang di Malaysia dan irama hudud akan dihidupkan kembali apabila munculnya musim PRU atau Pilihan Raya Kecil (PRK). Realitinya, isu hudud akan tenggelam selepas berlalunya PRU atau PRK dan PAS memang menyedari bahawa orang Islam mudah tertarik dengan isu hudud. Oleh itu, hukum hudud perlu dihidupkan semula apabila tiba musim PRU atau PRK dan ini bertujuan untuk meraih sokongan orang Melayu. Tambahan pula, kesungguhan PAS untuk melaksanakan hudud mula kelihatan apabila mereka berjaya menjadi kerajaan Kelantan pada 1990 (Berita Harian, 18 Mac 2015). PAS berpendapat bahawa jika pusat enggan melaksanakan hudud di peringkat persekutuan, memadai Kelantan dijadikan sebagai negeri percubaan. Jika pencapaian hukum hudud mempamerkan kesan positif, maka model hudud ini boleh diperluas dan dikembangkan ke peringkat global.

Fenomena ini menjelaskan bahawa PAS dilihat sebagai sebuah parti politik yang memperjuangkan hukum Islam. Apabila Brunei dan Aceh berjaya melaksanakan hukum hudud di tempat mereka, PAS berpendapat bahawa Malaysia pun layak untuk mengaplikasikan hukum hudud. Selain itu, semasa pentadbiran Kelantan di bawah Menteri Besar Nik Aziz Nik Mat, beliau telah membelanjakan sejumlah wang yang banyak untuk menyiapkan draf undang-undang dan mewujudkan jawatankuasa khas teknikal mengenai hukum hudud (Astro Awani, 30 April 2014). Hal ini menyebabkan rakyat beranggapan bahawa PAS sudah komited untuk melaksanakan hukum hudud di Malaysia. Sebagai sebuah parti politik, masyarakat Malaysia melihat bahawa PAS menjadikan hukum hudud sebagai senjata politik untuk meraih sokongan dan undi rakyat. Ramai sarjana yang mahir dalam bidang undang-undang menjelaskan hukum hudud PAS akan gagal dilaksanakan atas sebab sistem federalisme. Namun, setiap parti politik mempunyai senjata tersendiri untuk meraih sokongan rakyat. BN pun tidak terkecuali daripada

mengatur strategi untuk mendapat sokongan rakyat dengan memainkan isu sentimen perkauman seperti menayangkan semula filem Sarjan Hassan atau Hang Tuah semasa PRU atau PRK. Kesemua strategi ini tidak menyalahi undang-undang dan parti politik harus bijak semasa berpolitik.

Kedua, PAS membuat desakan dan tuntutan agar pusat membayar royalti petroleum kepada kerajaan Kelantan kerana mereka mendakwa bahawa minyak yang dijumpai berada dalam perairan Kelantan. Dalam sistem federalisme, hubungan pusat dengan negeri harus dijalinan dengan harmoni dan pusat mesti menghormati segala bentuk perjanjian yang dibuat antara pusat dengan negeri walaupun kerajaan negeri ditadbir oleh parti politik yang berlainan dengan pusat. Selanjutnya, kerajaan Kelantan percaya bahawa wang royalti boleh digunakan untuk kesejahteraan rakyat Kelantan seperti melakukan pembangunan ekonomi, pembinaan infrastruktur, penambahan rumah kediaman dan pelbagai kemudahan yang diperlukan oleh rakyat. Kelantan mempersoalkan mengapa Terengganu, Sabah dan Sarawak memperoleh royalti minyak sedangkan hak mereka untuk menikmati royalti dinafikan. Fenomena ini menjelaskan bahawa kerajaan Kelantan telah dianaktirikan oleh pusat dan PAS percaya bahawa dendam politik pusat yang menyebabkan royalti minyak yang sepatutnya diterima oleh mereka telah dinafikan.

Disebabkan kedegilan pusat mengekalkan keputusan mereka dengan tidak membayar royalti kepada Kelantan, maka kerajaan Kelantan memfailkan saman terhadap Petroleum Nasional Berhad (Petronas) bagi menuntut tunggakan royalti minyak yang didakwa tidak dibayar sejak 1998 (Siti Salwa, 30 Ogos 2010). Saman itu difailkan sendiri oleh Nik Aziz di kaunter pendaftaran Mahkamah Tinggi Dagang menerusi peguam Tommy Thomas. Kerajaan Kelantan sudah bersabar dengan kerenah pusat dalam satu jangka masa yang panjang mengenai royalti minyak dan sudah tiba masanya biarlah mahkamah yang memutuskan sama ada Kelantan berhak menerima royalti atau sebaliknya. Secara dasarnya, sesuatu konflik yang timbul antara kedua pihak boleh diselesaikan melalui rundingan, tetapi rundingan yang berpanjangan tanpa menemui noktah jawapan akan menyebabkan salah satu pihak mengambil tindakan undang-undang. Tindakan sedemikian perlu dilakukan walaupun terdapat beberapa saluran lain yang boleh diaplikasikan seperti terus menerus melakukan rundingan. Namun, kesabaran seseorang itu ada hadnya dan kerajaan Kelantan percaya bahawa Petronas dan kerajaan pusat perlu diberikan pengajaran agar mereka lebih menghormati undang-undang yang telah dipersetujui bersama.

Ketiga, PAS memberikan jaminan bahawa mereka tidak akan bermewah dan akan mengutamakan kebajikan rakyat. Hampir kesemua pemimpin PAS terdiri daripada mereka yang berlatar belakang Islam dan mereka amat arif dengan hukum Islam yang melarang seseorang itu bersikap boros. Realitinya, PAS di bawah kepimpinan Fadzil Noor dan Nik Aziz mengamalkan gaya hidup sederhana dan rakyat menyanjung tinggi corak kehidupan sedemikian. Kedua-dua pemimpin tersebut tidak begitu ghairah hendak bermegah dengan jawatan yang mereka sandang dan mereka rela menjalani kehidupan seperti rakyat biasa walaupun pihak kerajaan menyediakan kemudahan asas yang bertaraf selesa. PAS menyedari bahawa kos mentadbir negeri dan memastikan kesinambungan politik yang berpanjangan memerlukan sumber kewangan yang kukuh. Oleh itu, PAS tanpa rasa malu akan meminta derma daripada rakyat untuk membantu mereka melancarkan urusan pentadbiran negeri. Selanjutnya, krisis hubungan yang kurang mesra antara Kelantan dengan pusat menyulitkan lagi pentadbiran PAS dalam memastikan urusan kerajaan negeri berjalan dengan lancar.

Seterusnya, ramai pemimpin PAS yang pada asalnya terdiri daripada keluarga sederhana atau berpendapatan rendah. Berdasarkan daripada sumber latar belakang tersebut, maka wujud kemungkinan mereka tidak begitu berminat untuk menjalani kehidupan mewah walaupun berpeluang memegang jawatan berprestij.

Namun, terdapat juga segelintir pemimpin parti yang pada asalnya terdiri daripada golongan berada. Tetapi, ada kebenaran yang mengatakan bahawa diri mereka telah ditarbiahkan dengan ajaran Islam dan kesan daripada tarbiah tersebut telah menyebabkan mereka akur dengan menjalani kehidupan yang sederhana. Sebagai perbandingan, ramai pemimpin United Malays National Organisation (UMNO) menjadikan jawatan berpolitik sebagai jambatan untuk membina kekayaan. Sejarah Malaysia membuktikan bahawa belum pernah disiarkan dalam media cetak yang menjelaskan mengenai kehidupan seseorang menteri atau pemimpin UMNO yang merana selepas hilang daripada jawatan kerajaan. Fenomena ini menerangkan bahawa kebanyakan pemimpin UMNO membina kekayaan semasa menjadi menteri atau pemimpin dan mereka tidak akan mengalami kemurungan hidup selepas hilang jawatan atau tidak dipilih sebagai pemimpin.

Keempat dan terakhir, PAS mendesak agar kerajaan BN menutup kilang arak dan menghapus atau memusnahkan aktiviti perjudian. Kilang Carlsberg yang terletak di Shah Alam telah beroperasi sejak 1972 dan PAS beranggapan bahawa Malaysia yang diklasifikasikan sebagai sebuah negara Islam tidak seharusnya membenarkan kilang arak terus beroperasi. PAS sering kali memberikan penjelasan berdasarkan hujah daripada al-Quran dengan membawa maksud bahawa Islam melarang hambanya terjebak dalam segala bentuk urusan yang melibatkan arak dan judi. Isu arak dan judi akan dijadikan sebagai modal politik kepada PAS terutamanya semasa kempen PRU atau PRK. Kebanyakan masyarakat umum memahami akan keburukan meminum arak dan ketagihan berjudi kerana kedua-dua aktiviti tersebut boleh menghancurkan kehidupan seseorang itu. Selain itu, PAS akan terus beristiqamah membantah acara Oktober fest yang akan disambut diseluruh dunia. Walaupun Oktober fest merupakan sambutan masyarakat dunia bukan Islam meminum minuman keras, PAS tetap terus bersuara dengan membantah jangan dilakukan aktiviti tersebut di Malaysia.

Banyak kejadian yang tidak diingini berlaku disebabkan meminum arak dan isu pemandu mabuk yang berpotensi membunuh sering berlaku di Malaysia. Kerajaan menyedari akan bahayanya membenarkan pemandu memandu dalam keadaan mabuk, namun mereka tidak melakukan tindakan drastik seperti mengharamkan penjualan arak disebabkan nilai cukai yang diperoleh dalam jumlah yang besar. Begitu juga dengan aktiviti perjudian yang memperlihatkan bagaimana kehidupan seseorang itu musnah disebabkan kehilangan wang simpanan dan keruntuhan rumah tangga. Namun, disebabkan kerajaan memperoleh cukai jualan sama ada secara langsung atau sebaliknya yang menyebabkan mereka agak keberatan untuk menutup operasi kilang arak dan aktiviti perjudian. Kesemua gejala sosial yang bersifat negatif itu memberikan kesan kemusnahan secara langsung kepada individu yang melakukannya. Oleh itu, PAS berikrar akan menghapus atau menutup kilang arak serta aktiviti perjudian jika sekiranya mereka diberikan kepercayaan untuk menjadi kerajaan pemerintah. Namun, sejauh manakah kebenaran janji PAS tetap menjadi tanda soal kerana parti politik bijak menabur janji, tetapi kebanyakannya gagal ditunaikan.

Secara kesimpulannya, terdapat banyak agenda yang hendak dilakukan oleh PAS semasa mereka menjadi pembangkang. Walau bagaimanapun, tulisan ini tidak akan membincangkan kesemua ikrar yang dilafazkan oleh PAS sewaktu pembangkang. Hal ini disebabkan janji politik dikategorikan sebagai retorik dan peratus kebarangkalian untuk direalisasikan tetap menjadi rahsia. Sebagai contoh, Perdana Menteri Mahathir Mohamad pernah mempersendakan manifesto PH dengan mengatakan bahawa manifesto PH bukan kitab suci yang mesti diikuti atau dilaksanakan (Kow, 16 Julai 2018). Justeru, kebanyakan janji politik sama ada daripada pemerintah atau pembangkang agak sukar dipercayai kerana isi kandungannya sering berubah mengikut peredaran masa. Setiap ahli politik harus bijak dan licik apabila melontarkan pandangan kepada rakyat atau media. Hal ini kerana untuk membolehkan mereka meneruskan survival politik dan pandangan yang diutarakan oleh mereka tetap relevan atau

tidak basi ditelan zaman. Oleh itu, setiap parti pembangkang amat kaya dengan pelbagai pandangan dan kritikan terhadap pemerintah. Namun, sejauh manakah relevannya kritikan mereka tetap menjadi satu persoalan yang sukar diterjemahkan.

### ***Pas Semasa Pemerintah***

Setiap pasukan yang bertanding dalam sesuatu perlawanan akan mengharapkan kemenangan dan jika pasukannya kalah, mereka akan mencubanya semula pada tahun hadapan. Begitu juga strategi yang dilakukan oleh pasukan yang menang dengan berusaha mengekalkan kemenangan mereka dalam perlawanan yang dijadual berlangsung pada tahun seterusnya. Keazaman untuk mencuba dan mengekalkan kemenangan merupakan dua unsur yang perlu ada dalam sesebuah parti politik. Seterusnya, PAS merupakan parti politik veteran dan mereka berpengalaman bertanding sehingga PRU 14. Namun, PAS belum pernah mengecapi kemenangan di peringkat pusat walaupun bertanding secara kerjasama politik atau bersendirian. Disebabkan PAS berpengalaman luas dalam sepak terajang politik Malaysia, maka mereka beranggapan bahawa mereka layak menjadi parti pemerintah jika rakyat memberikan peluang kepada mereka. PAS kerap mengeluarkan kenyataan sedemikian dalam ceramah umum atau platform politik yang memberikan maksud bahawa mereka sudah bersedia untuk menjadi parti pemerintah.

Parti politik yang belum pernah berkuasa akan menginginkan kuasa kerana mereka berpendapat bahawa mereka sudah mempunyai kekuatan dari pelbagai sudut seperti kewangan, sokongan pengundi dan barisan kepimpinan yang kukuh. Kesemua faktor tersebut boleh dijadikan sandaran yang kukuh untuk membolehkan mereka berfungsi sebagai ketua negara atau parti pemerintah. Namun, terdapat kemungkinan yang menjelaskan bahawa kebanyakan parti politik didorong oleh keinginan nafsu untuk berkuasa. Hal ini kerana terdapat parti politik yang gagal mempamerkan kehebatan mereka apabila diberikan kuasa. Justeru, PAS mula mendapat kuasa apabila PH dijatuhkan dengan rampasan kuasa politik dan sejauh manakah PAS berjaya membuktikan kepada rakyat mengenai kehebatan mereka sebagai parti pemerintah. PAS banyak melontarkan pelbagai pandangan mengenai kelemahan PH sewaktu mereka menjadi pembangkang. Oleh itu, bahagian ini akan mengupas secara kritikal apakah kekuatan dan kelemahan PAS semasa mereka menjadi sebahagian daripada kerajaan PN.

Pertama, PAS gagalewartakan hukum hudud sebagai salah satu cabang undang-undang persekutuan. Hukum hudud sering dijadikan modal politik dan PAS berjanji akanewartakan hudud sebagai undang-undang jika mereka dipilih sebagai pemerintah. Isu hudud akan timbul semula pada setiap kali diadakan PRU atau PRK dan Presiden PAS Abdul Hadi Awang menafikan bahawa isu hudud hanya bersifat *ad hoc*. Tambahan pula, Timbalan Mursyidul Am PAS Haron Din juga menegaskan bahawa hudud ialah nyawa PAS dan PAS tidak akan berkompromi dengan mana-mana parti politik atau individu yang menentang hukum hudud (*Malaysiakini*, 22 Dis 2014). PAS bersungguh-sungguh hendak melaksanakan hudud dan kepimpinan PAS menegaskan bahawa mereka sanggup menentang sesiapa sahaja yang secara terang-terang melawan prinsip PAS. Seterusnya, PAS sudah berjaya mengumpul ribuan pengikut, penyokong dan beberapa badan bukan kerajaan agar bersama mereka untuk melaksanakan hukum hudud. Jika melihat daripada sokongan yang diberikan oleh rakyat terhadap hukum hudud, ternyata bahawa rakyat Malaysia yang beragama Islam amat berharap agar PAS berjaya melaksanakan hukum hudud apabila mereka berkuasa kelak.

Namun, apa yang mendukacitakan ialah PAS hanya bersandiwara dengan menjadikan hukum hudud sebagai senjata politik untuk terus berkuasa. PAS tiada niat hendak melaksanakan hudud dengan mengeluarkan kenyataan jangan ditanya bila hudud akan dibuat (Hasimi, 13 Sept, 2020). Kenyataan ini menjelaskan bahawa PAS secara konsisten menjadikan hukum hudud sebagai bahan bual bicara politik dan mereka tiada perancangan yang

jelas bagaimana hendak melaksanakan hudud. Tambahan pula, ahli parlimen Takiyuddin Hassan daripada PAS telah dipilih sebagai Menteri Di Jabatan Perdana menteri (parlimen dan undang-undang) dan pelantikan beliau memudahkan PAS untuk merealisasikan hukum hudud sebagai sebahagian daripada undang-undang persekutuan. Namun, Takiyuddin tidak memberikan sebarang maklumat bagaimana hukum hudud akan direalisasikan. Seterusnya, rakyat mula mempersoalkan bagaimana mereka akan didenda jika melanggar hukum hudud kerana ahli parlimen PAS, Mohd Khairuddin Aman Razali secara jelas melanggar hukum kuarantin Covid-19 tanpa diambil sebarang tindakan. Wujud perdebatan yang menegaskan bahawa hukum hudud hanya dikenakan ke atas rakyat marhaen manakala ahli PAS yang berjawatan menteri atau mereka yang mempunyai hubungan mesra dengan kepimpinan tertinggi PAS akan dikecualikan daripada hukuman. Justeru, rakyat mula kecewa dengan sikap *flip-flop* PAS dan sudah terbukti bahawa PAS menjadikan agenda hudud sebagai jambatan politik untuk berkuasa.

Kedua, PAS gagal menyelesaikan isu judi dan arak. Arak dan judi telah menjadi perdebatan hangat dalam kalangan rakyat apabila kerajaan BN membenarkan arak dijual di kedai serbaneka, peningkatan kes pemandu mabuk dan masalah sosial yang bertambah kritikal akibat kehilangan sumber pendapatan disebabkan judi. Sementara itu, kadar cukai hasil daripada industri judi dan arak yang dikutip dalam jumlah yang lumayan telah menyebabkan BN agak keberatan untuk menutup operasi arak dan judi. PAS mengkritik kelemahan BN kerana gagal membendung penyakit sosial yang berpunca daripada arak dan judi. Seterusnya, setelah pentadbiran Putrajaya bertukar tangan daripada BN kepada PH, PAS secara konsisten terus melemparkan pelbagai kritikan terhadap PH dengan menuduh PH juga gagal menyelesaikan isu pemandu mabuk yang semakin membimbangkan. PAS melalui tentera siber dan gabungan pemimpin PAS-UMNO telah menyerang PH berkaitan isu pemandu mabuk sehingga boleh menimbulkan rusuhan kaum (Redzuan, 27 Mei 2020).

Namun, kehebatan PAS untuk menutup atau menghentikan industri arak dan judi hanyalah ikrar yang sukar dipercayai. Kenyataan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Ahmad Marzuk daripada PAS diklasifikasikan sebagai alasan dangkal apabila beliau cuba menonjolkan kesungguhan PAS dengan berkata PAS tidak pernah 'bisu' isu judi dan arak (Rosmiza, 2 Jan 2021). Beliau berhujah bahawa PAS akan membuat bantahan daripada dalam dan kaedah sedemikian dilihat lebih efektif berbanding semasa pembangkang. Beliau juga menepis dakwaan bahawa Pas menyepi dalam isu terbabit setelah menjadi kerajaan dan pendirian PAS untuk memerangi judi dan arak tetap sama dan masih diteruskan sehingga kini. Tetapi, jika benar PAS hendak bertindak daripada dalam, mengapa kasino di Genting Highlands masih boleh beroperasi sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sedangkan orang ramai dilarang makan dalam premis restoran (Nicholas, 20 Mei 2021). Tambahan pula, PN dalam diam-diam telah meningkatkan kekerapan cabutan khas ramalan nombor 4 digit daripada 8 kali pada 2020 kepada 22 kali pada 2021. Hal ini menjelaskan bahawa PN mengembalikan semula jumlah cabutan khas seperti zaman BN setelah PH mengurangkan daripada 22 kali kepada 11 kali pada 2019 dan akhir sekali kepada 8 kali pada 2020 (*Malaysia Dateline*, 28 Dis 2020). Justeru, di manakah suara PAS untuk mengurang atau menghapuskan industri judi dan arak?

Selanjutnya, Khairuddin mengeluarkan kenyataan yang melucukan dengan berkata arak adalah anugerah Tuhan (Fazli, 2 Jun 2021). Kenyataan sedemikian boleh menimbulkan pelbagai persoalan dan mengapakah beliau menggunakan nama Tuhan untuk memberitahu kepada rakyat bahawa arak adalah minuman yang boleh diminum. Al-Quran dengan jelas mengharamkan arak dan kenyataan Khairuddin boleh menimbulkan kekeliruan dalam pegangan tauhid seseorang itu. Perdebatan seterusnya ialah bagaimana Allah SWT boleh memberikan hak kepada agama lain meminum arak, sedangkan al-Quran dan Rasul diutuskan agar umat Islam memimpin manusia dengan keindahan cara hidup Islam. Realitinya, air adalah sumber mineral semula jadi anugerah Tuhan dan ianya tidak



boleh dicipta oleh manusia. Manakala arak adalah minuman ciptaan manusia dan Tuhan mengharamkan arak, tetapi menghalalkan air. Justeru, tindakan PAS jelas memanipulasikan agama Islam untuk kepentingan mereka dan mereka sanggup memperdagangkan agama Islam tanpa rasa malu hanya semata-mata untuk survival politik.

Ketiga, faktor kemewahan telah menghancurkan jati diri PAS sebagai parti yang memperjuangkan Islam. PAS sering memberikan nasihat kepada pengikutnya agar bersederhana ketika berpolitik dan mereka juga berpesan kepada pemimpinnya supaya tidak mengharap balasan kebendaan semasa berjuang bersama PAS. PAS semasa di bawah Fadzil Noor dan Nik Aziz mengotakan prinsip mereka untuk tidak bermewah walaupun memegang jawatan tertinggi dalam parti. Namun, slogan tidak menginginkan kemewahan tidak berkekalan apabila nafsu untuk mencipta kekayaan mula timbul selepas kedua-dua tokoh tersebut sudah tidak lagi berkuasa. Sebagai contoh, kekayaan luar biasa mula dipamerkan oleh beberapa pemimpin PAS seperti Nasrudin Hassan Tantawi, Mohd Khairuddin dan Nik Muhammad Zawawi walaupun mereka hanya memegang jawatan dalam parti sahaja. Terdapat berita yang mengatakan bahawa mereka bijak menjalankan perniagaan dan kekayaan yang dicipta oleh mereka adalah hasil daripada usaha perniagaan. Jika benar mereka mahir dalam perniagaan, mengapa ilmu tersebut tidak diperluaskan kepada semua ahli PAS dan PAS tidak perlu lagi mengedarkan tin milo untuk meminta derma.

Sementara itu, PAS mentadbir Kelantan sejak 1990 dan masalah utama yang membelenggu rakyat Kelantan ialah air bersih. Walaupun isu air sering menjadi perdebatan dalam kalangan rakyat Kelantan, terdapat juga sebahagian daripada mereka tidak menganggap isu air bersih sebagai masalah yang kritikal kerana mereka sendiri secara individu boleh menyelesaikan masalah tersebut. Selanjutnya, rakyat Kelantan percaya bahawa kerajaan negeri amat prihatin dengan masalah rakyat dan mereka sedang berusaha untuk menyelesaikan masalah tersebut (Saiyid Radzuwan, 2021, hlm 44). Namun, realiti sebenar mengenai krisis air Kelantan terbongkar apabila Pengarah Hospital Raja Perempuan Zainab II, Dr Selasawati menzahirkan kebimbangannya mengenai kekerapan terputusnya bekalan air dan fenomena ini boleh menjejaskan aktiviti harian hospital (N Faizal, 21 Mac 2021). Beliau juga menegaskan bahawa masalah ini sudah berlarutan sejak lebih 10 tahun lalu dan sehingga kini belum ada tanda-tanda penambahbaikan daripada kerajaan negeri. Senario ini bertambah kritikal apabila bomba terpaksa dipanggil untuk menghantar bekalan air ke hospital Raja Perempuan Zainab (Arif, 8 Apr 2021).

Alasan ketiadaan wang untuk menaiktaraf sistem rawatan atau loji pembersihan air tidak timbul kerana kerajaan Kelantan telah mendapat wang sebanyak RM400 juta daripada Putrajaya pada 25 Dis 2019. Wang tersebut sepatutnya digunakan untuk menaiktaraf kemudahan asas yang diperlukan oleh rakyat, tetapi malangnya PAS telah membeli 14 kereta mewah Mercedes Benz sebagai kenderaan rasmi untuk pimpinan kerajaan negeri termasuk Menteri Besar dan Exco (Nor Fazlina, 16 Jan 2020). Tiada siapa akan mempertikaikan jika PAS berhajat membeli kenderaan untuk kegunaan rasmi pimpinan negeri, tetapi persoalannya di sini ialah mengapakah mereka memilih Mercedes S450L AMG Line yang berharga lebih RM600,000 sebuah? PAS boleh membeli kenderaan yang berharga di sekitar RM200,000 keluaran Honda atau Toyota dan prestasi kenderaan tersebut diakui terbaik oleh persatuan automobil dunia. Realitinya, PAS Kelantan lebih mengutamakan nafsu kuasa dan penampilan berbanding menggunakan wang RM400 juta untuk meningkatkan sosio-ekonomi, kesejahteraan rakyat dan mengukuhkan fiskal kewangan negeri. Memang benar wang RM400 merupakan rezeki terpijak dan mereka bebas melakukan apa sahaja. Tetapi, sebuah kerajaan yang baik akan sentiasa mengutamakan kesejahteraan rakyat berbanding nafsu peribadi.

Keempat dan terakhir, penggunaan istilah Melayu-Islam hanyalah slogan untuk survival politik PAS. PAS menyedari bahawa sokongan rakyat terhadap mereka merosot dalam PRU 14 dan mereka harus melancarkan perang

saraf untuk mengembalikan keagungan mereka. PAS kekal menguasai Pantai Timur, tetapi situasi sebaliknya berlaku di Pantai Barat dan kebanyakan kerusi yang dimenangi oleh mereka dalam PRU 13 telah bertukar tangan. Kegagalan ini sedikit sebanyak mempengaruhi kehebatan PAS sebagai sebuah parti yang memperjuangkan Islam dan mereka mesti merancang strategi baharu untuk menawan sokongan rakyat. Justeru, PAS telah melancarkan pelan baharu dengan bersetuju menjalinkan kerjasama politik dengan UMNO walaupun mereka pernah mengklasifikasikan UMNO sebagai musuh politik dan kafir (Adie Sufian, 10 Sept 2019). Oleh itu, untuk merealisasikan kerjasama politik PAS-UMNO, maka satu piagam Muafakat Nasional (MN) antara mereka telah ditandatangani di PWTC pada 13 Mei 2019. Kerjasama tersebut telah membolehkan para pemimpin PAS buat pertama kalinya memijak kaki di atas karpet di Dewan Merdeka PWTC.

Sejak dahulu lagi UMNO memang mempunyai kerjasama politik dengan Malaysian Chinese Association (MCA) dan Malaysian Indian Congress (MIC) Ini menjelaskan bahawa UMNO sudah mempunyai rakan politik daripada bukan Melayu dan mereka bersama-sama mentadbir Malaysia secara kolektif di bawah logo BN. Apabila PAS menjalinkan kerjasama politik dengan UMNO, maka secara tidak langsung mereka juga akan terlibat sekali di bawah panji BN. Oleh itu, PAS tersepit antara slogan Melayu-Islam dengan perpaduan nasional kerana hasrat utama PAS bekerjasama dengan UMNO ialah untuk kepentingan Melayu-Islam. Seterusnya, PRK Tanjung Piai yang diadakan pada 16 Nov 2019 akan menyaksikan pertandingan satu lawan satu antara calon Melayu-Islam daripada PH dan calon bukan Melayu daripada MCA. PRK ini merupakan ujian pertama kepada PAS sama ada hendak mengundi calon Islam atau bukan Islam. Hal ini kerana PAS pernah mengeluarkan kenyataan bahawa haram mengundi calon atau pemimpin bukan Islam dan PRK Tanjung Piai akan membuktikan kenyataan ini.

Laporan *Malaysiakini* (31 Okt 2019) menjelaskan bahawa akhimya Dewan Ulama PAS Pusat membuat keputusan untuk menyokong calon daripada MCA dan keputusan ini mematikan fatwa PAS yang melarang ahlinya menyokong calon bukan Islam. Fatwa PAS yang sering berubah-ubah mengikut kehendak parti, bukan sekadar memberikan impak negatif kepada umat Islam, malahan boleh melahirkan imej buruk kepada agama Islam. Tambahan pula, PAS kerap kali memberikan sesuatu fatwa dengan bersandarkan dakwaan kononnya ia daripada ajaran kitab suci muslim (al-Quran). Kalau dahulu mungkin PAS berfatwa supaya menyokong Parti Tindakan Rakyat (DAP) atas alasan kerjasama politik dalam PH. Tetapi, sekarang fatwanya berbeza kerana rakan kerjasama politik pun sudah berbeza. Ini memberikan masalah apabila fatwa yang tidak konsisten dan bergantung pada keuntungan parti. Justeru, perpaduan atas tiket Melayu-Islam secara terang-terangan merupakan perang saraf PAS untuk survival politik. PAS akan meneruskan agenda politik mereka mengikut rentak irama politik yang boleh memberikan keuntungan kepada mereka dari sudut materialistik dan kuasa.

Sebagai kesimpulan, Jepun mengamalkan “*karaoke democracy*” yang mana sesiapa sahaja layak menjadi Perdana Menteri atau menteri kabinet apabila tiba masanya walaupun pada realitinya mereka tidak mempunyai karisma sebagai seorang pemimpin. *Karaoke* ialah sebuah bentuk hiburan yang dicipta untuk memberikan peluang kepada sesiapa sahaja yang berminat untuk menyanyi, berhibur atau bergembira. Tiada sebarang syarat dikenakan ke atas mereka untuk berhibur melalui *karaoke* dan sesiapa sahaja diberikan peluang untuk menyanyi. Tambahan pula, ada peserta yang diberikan laluan khas untuk mempersembahkan nyanyiannya. Perumpamaan sebegini dikaitkan kepada ahli politik Jepun kerana kebanyakan daripada mereka beranggapan bahawa mereka mempunyai kebolehan dan layak menjadi pemimpin negara walaupun secara hakikatnya, keupayaan mereka masih di tahap yang membimbangkan (Saiyid Radzuwan, 2017, hlm 121). Oleh itu, ramai ahli politik Jepun menggambarkan dunia politik adalah serupa dengan dunia hiburan seperti yang terdapat di *karaoke*. Justeru, adakah PAS boleh dikategorikan sama seperti ahli politik Jepun dan penilaian ini bergantung kepada kebijaksanaan pembaca.

### ***Kriteria Menjadi Anggota Gabungan Parti***

Sebelum PAS menjadi sebahagian daripada kerajaan PN, mereka berpengalaman menjalinkan kerjasama politik dengan Parti KeAdilan Rakyat (PKR) dan DAP. Sejarah membuktikan bahawa Presiden PAS, Fadzil Noor menjadi perintis kepada penubuhan Gerakan Keadilan Rakyat Malaysia (GERAK), dan dengan GERAK itulah beliau merintis penubuhan Barisan Alternatif (BA) yang merupakan satu kerjasama politik ke arah pembentukan Malaysia Baharu (Faisal, 23 Mac 2015). Atas kesungguhan beliau menubuhkan BA telah membuahkan hasil positif apabila PAS kekal berkuasa di Kelantan dan mereka berjaya mentadbir Terengganu pada 1999-2004.

Era 90-an merupakan zaman kekuatan BN dan parti pembangkang sudah pasti akan gagal mencapai kemenangan dalam PRU jika mereka bertindak bersendirian. Oleh itu, sejak awal lagi Fadzil Noor sudah menghidu kelemahan parti pembangkang dan beliau mengorak langkah berani dengan menjalinkan kerjasama politik dalam kalangan mereka walaupun berbeza ideologi. Namun, kerjasama tersebut tidak berpanjangan dan PAS akan ada dalilnya mengapa mereka perlu keluar daripada menjadi anggota gabungan. Kecelaruhan menjalinkan kerjasama politik menjadi semakin kritikal apabila Hadi dipilih menjadi Presiden PAS untuk menggantikan Fadzil Noor yang meninggal dunia pada 23 Jun 2002.

PAS bukan sahaja enggan meneruskan kerjasama politik dengan parti pembangkang, malahan mereka juga mula menyingkirkan mana-mana ahli parti yang bukan berlatarbelakangkan agama. Sebagai contoh, terbinanya Parti Amanah Negara (AMANAH) disebabkan ramai pemimpin tertinggi parti, ahli dan penyokong PAS berpendapat bahawa sudah tiba masanya pengurusan PAS hanya diterajui oleh golongan yang berlatarbelakangkan agama berbanding golongan progresif. Pada pandangan mereka, golongan progresif tidak lagi sesuai berada dalam kepimpinan PAS kerana mereka lebih cenderung kepada Islam liberal, tidak wala' kepada parti, antihudud dan berfikir liberal. Penyingkiran golongan progresif dilakukan secara sistematik, terancang dan mendapat persetujuan daripada pengurusan tertinggi parti. Secara dasarnya, cara yang paling mudah untuk mematikan kerjaya seseorang ahli politik ialah tidak memberikan undi kepada mereka semasa diadakan pemilihan jawatankuasa parti (Saiyid Radzuwan, 2020, hlm 5).

Keengganan PAS meneruskan kerjasama politik dengan parti pembangkang dan menyingkirkan golongan progresif melalui muktamar telah menyebabkan mereka menyusun strategi baharu untuk meneruskan survival politik dengan bergayut kepada dahan parti politik lain yang lebih kukuh strukturnya. Terdapat laporan yang menegaskan bahawa PAS sudah mula membuka pintu rundingan untuk berkerjasama dengan UMNO yang dikenali sebagai kerajaan perpaduan (United Government - UG). Laporan ini dibongkarkan oleh beberapa bekas pemimpin PAS seperti Khalid Samad dan Ahmad Awang. Idea penubuhan UG tercetus apabila BN gagal mempertahankan Selangor dan Perak dalam PRU 2008 dan kemenangan parti pembangkang ke atas negeri tersebut masih boleh direbut kembali asalkan wujud persefahaman antara PAS-UMNO. Selain itu, PAS sudah mula mempamerkan kecenderungan mereka untuk berbaik-baik dengan UMNO. Hal ini berlaku selepas bekas Presiden UMNO, Najib Razak mengarahkan kedutaan Malaysia di Turki agar memberikan bantuan yang sewajarnya kepada Presiden PAS, Hadi Awang yang dirawat di hospital Turki akibat masalah kesihatan (Tamboo, 31 Mei 2014). Kemurahan hati Najib menjadi satu persoalan kerana seseorang ahli politik agak keberatan menghulurkan bantuan kepada musuhnya tanpa alasan disebaliknya walaupun beliau bertegas bahawa bantuannya itu bersifat kemanusiaan.

Sementara itu, Mahfuz Omar membuat pendedahan berani dengan membongkar bagaimana PAS Terengganu menerima bantuan kewangan daripada UMNO dalam jumlah jutaan ringgit (Khairul, 8 April 2018). Wang tersebut diterima pada 21 Mac 2018 dan ramai pemerhati politik menyifatkan bahawa bantuan tersebut

adalah sebagai bekalan PRU 14. Namun, berita mengenai penubuhan UG dan penerimaan bantuan kewangan daripada UMNO telah dinafikan oleh PAS. Realitinya, berita mengenai keburukan PAS sering digelapkan dan PAS memang mahir menyembunyikan berita yang boleh memberikan ancaman kepada reputasi mereka. Sebagai contoh, PAS boleh membuktikan kepada rakyat bahawa mereka tidak menerima bantuan kewangan daripada UMNO dengan menunjukkan resit transaksi bank.

Namun, PAS tidak berbuat sedemikian malahan mereka mengalihkan pandangan rakyat dengan mengarahkan Mahfuz agar melaporkan isu tersebut kepada Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM). Dalam zaman milenium, proses pemindahan wang sama ada dalam jumlah yang kecil atau sebaliknya dilakukan secara atas talian dan adalah mustahil UMNO akan memberikan secara tunai kepada PAS Terengganu. Justeru, perkara pelik yang sering berlaku di Malaysia ialah berita yang dinafikan oleh parti politik atau kerajaan pemerintah adalah sebenarnya berita sahih.

Selanjutnya, Muhyiddin merupakan bekas pemimpin UMNO yang dipecat dan beliau menganggotai Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) semasa PH mentadbir Putrajaya. Namun, kelicikan Muhyiddin bermain politik sehingga menyebabkan beliau mengkhianati PH dan berpakat dengan beberapa ahli parlimen Bersatu-PKR-UMNO-PAS untuk membentuk PN. Realitinya, Muhyiddin juga diselubungi pelbagai isu rasuah semasa menjadi menteri kabinet BN dan tiada dakwaan dilakukan ke atasnya disebabkan beliau masih berada di landasan kekuasaan. Tingkah laku ahli politik yang digambarkan dengan perwatakan seperti putar belit, pembohongan, memanipulasikan kenyataan dan penghakisan nilai moral adalah merupakan sifat semula jadi mereka. Kebanyakan pemimpin UMNO menjadi juara dalam isu penyalahgunaan kuasa, rasuah dan menipu rakyat. Ternyata bahawa penyakit sedemikian kian merebak ke dalam jiwa pemimpin PAS dan mereka mula menipu rakyat dengan memberikan pelbagai alasan dangkal. Sebagai contoh, PAS berjanji akan menghapuskan industri arak dan judi, pembelaan nasib kematian anggota bomba Adib Adam, melaksanakan hukum hudud dan penutupan aurat terhadap pramugari apabila mereka berkuasa di Putrajaya.

Namun, sudah setahun lebih PAS berkuasa di peringkat persekutuan dan janji mereka yang berapi-api sewaktu pembangkang sudah hilang. Terdapat kemungkinan yang boleh menjelaskan bahawa janji tersebut telah ditelan oleh arus kemewahan hidup. Realitinya, terdapat beberapa ahli parlimen PAS dilantik sebagai menteri kabinet PN dan beberapa lagi memegang jawatan berprestij di Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC). Memang benar wang, pangkat dan kemewahan hidup boleh membeli prinsip seseorang itu dan senario yang berlaku dalam PAS boleh membuktikan kebenaran ini. Sebagai contoh terbaharu, kenyataan Takiyuddin yang memutar belitkan pelbagai alasan untuk tidak membenarkan parlimen bersidang semasa PKP amat meloyakan. Persoalannya di sini ialah adakah Takiyuddin mempunyai pemikiran yang selari dengan Muhyiddin dan kabinetnya atau beliau risau kehilangan jawatan jika bertindak berlawanan arus dengan Muhyiddin? Justeru, kesimpulan yang boleh dirumuskan di sini ialah jangan berkawan dengan penyamun kerana kelak diri anda pun secara sedar akan menjadi penyamun.

## **KESIMPULAN**

Perwatakan PAS semasa bersama PKR-DAP juga tidak disenangi oleh rakan gabungannya, tetapi kebencian terhadap mereka masih terkawal. Namun, penampilan PAS semasa bersama PN telah berubah 360 darjah apabila rakyat mula meluat melihat gelagat mereka mempertahankan sesuatu isu. Sebagai contoh, pemimpin PAS yang baharu pulang dari Turki enggan menjalani arahan kuarantin sendiri selama 14 hari seperti yang ditetapkan dalam

Prosedur Operasi Standard (SOP) oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Beliau dengan bangganya telah menghadiri sidang parlimen walaupun ramai ahli parlimen pembangkang membantah tindakannya itu (*Malaysiakini*, 18 Ogos 2020). Selanjutnya, beliau bertegas tidak akan menjalani kuarantin sendiri kerana menganggap dirinya bertaraf menteri dan undang-undang kuarantin hanya terpakai kepada rakyat sahaja. Tindakan yang dipamerkan oleh pemimpin PAS tersebut mengundang kemarahan rakyat dan rakyat mendesak agar KKM atau PN mengenakan denda ke atas beliau. Namun, isu tersebut telah tenggelam dan alasan yang sering diberikan oleh pihak berkuasa ialah ianya masih dalam siasatan.

Nik Aziz pernah melarang pemimpin PAS mengadakan kerjasama politik dengan UMNO kerana beliau amat arif dengan kecurangan mereka. Ramai pemimpin UMNO mengamalkan gaya berpolitik Machiavelli yang mengutamakan kuasa dengan cara menipu, memutar belit dan melakukan penindasan terhadap rakyat. Nik Aziz berharap agar pemimpin dan ahli PAS bersikap sederhana semasa berpolitik atau mentadbir dan sebaik-baiknya mereka menjauhi cara berpolitik UMNO.

Namun, kerakusan untuk berkuasa telah mengenyampingkan nilai-nilai moral dan PAS pun sudah mula mempamerkan gaya berpolitik UMNO setelah menjadi sebahagian kerajaan PN. Kehebatan PAS mengkritik dasar-dasar kerajaan semasa menjadi pembangkang semakin hari semakin sunyi dan mereka dilihat lebih mengutamakan habuan kebendaan. Justeru, dapatan kajian ini ialah rakyat lebih menghormati kehebatan PAS semasa menjadi pembangkang walaupun terdapat ketidakseragaman maklumat daripada pemimpinnya. Walaupun idea yang dilontarkan oleh PAS sewaktu pembangkang agak sukar direalisasikan, namun keberanian mereka mempertikaikan sesuatu keputusan amat dinanti-nantikan.

## RUJUKAN

- Adie Sufian Zulkefli. (2019). *Jika bergabung dengan Umno, Pas juga seperti orang kafir - Tun Mahathir*. Dimuat turun daripada <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/jika-bergabung-dengan-umno-pas-juga-seperti-orang-kafir-tun-mahathir-217138>
- Arif Basharudin. (2021). *Krisis air semakin teruk, bomba hantar bekalan air ke hospital di Kelantan*. Dimuat turun daripada <https://malaysiadateline.com/krisis-air-semakin-teruk-bomba-hantar-bekalan-air-ke-hospital-di-kelantan/>
- Astro Awani. (2014). *Hudud: Nik Aziz terima cadangan UMNO*. Dimuat turun daripada <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/hudud-nik-aziz-terima-cadangan-umno-34981>
- Berita Harian*. (2015). *Kanun Jenayah Syariah II 1993 terpakai pada orang Islam saja*. Dimuat turun daripada <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2015/03/41784/kanun-jenayah-syariah-ii-1993-terpakai-pada-orang-islam-saja>
- Faisal Tehrani (2015). *PAS, ingatlah Fadzil Noor*. Dimuat turun daripada <https://www.malaysiakini.com/columns/292977>
- Fazli Radzi. (2021). *Menteri Pas anggap arak sebagai hak yang diberi oleh Allah*. Dimuat turun daripada <https://malaysiadateline.com/menteri-pas-anggap-arak-sebagai-hak-yang-diberi-oleh-allah/>

- Hasimi Muhamad. (2020). *"Jangan tanya bila nak buat hudud" - Pas Kelantan*. Dmuat turun daripada <https://www.astroawani.com/berita-politik/jangan-tanya-bila-nak-buat-hudud-pas-kelantan-259241>
- Khairul Azran Hussin (2018). *PAS terima duit UMNO hujah kebudak-budakan – Hadi*. Dimuat turun daripada <https://www.bharian.com.my/berita/politik/2018/04/409289/pas-terima-duit-umno-hujah-kebudak-budakan-hadi>
- Kow, G.C. (2018). *Dr M: Manifesto HARAPAN bukan 'kitab suci'*. Dimuat turun daripada <https://www.malaysiakini.com/news/434417>
- Malaysia Dateline. (28 Dis 2020). *Kerajaan PN tambah kekerapan cabutan khas judi dari 8 ke 22 kali tahun depan*. Dimuat turun daripada <https://malaysiadateline.com/kerajaan-pn-tambah-kekerapan-cabutan-khas-judi-dari-8-ke-22-kali-tahun-depan/>
- Malaysiakini. (2014). *Hudud nyawa PAS, kata Haron Din*. Dimuat turun daripada <https://www.malaysiakini.com/news/284192>
- Malaysiakini. (2018). *Hadi: PAS kosong rasuah*. Dimuat turun daripada <https://www.malaysiakini.com/news/419652>
- Malaysiakini. (2019). *Ulama PAS: Larangan undi calon bukan Islam tak mutlak*. Dimuat turun daripada <https://www.malaysiakini.com/news/498129>
- Malaysiakini. (2020). *Kok: Menteri tak kuarantin sendiri lepas pulang dari Turki*. Dimuat turun daripada <https://www.malaysiakini.com/news/539119>
- N Faizal Ghazali. (2021). *Pengarah HRPZ II tampil soal isu air di program bersama menteri, MB*. Dimuat turun daripada <https://www.malaysiakini.com/news/567519>
- Nicholas, C. (2021). *Mengapa kasino Genting dibuka tapi restoran ditutup, tanya wakil rakyat*. Dimuat turun daripada <https://www.freemalysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2021/05/20/mengapa-kasino-genting-dibuka-tapi-restoran-ditutup-tanya-wakil-rakyat/>
- Nor Fazlina Abdul Rahim. (2019). *Kelantan nafi terima royalti RM15.7 juta*. Dimuat turun daripada <https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2019/10/617826/kelantan-nafi-terima-royalti-rm157-juta>
- Nor Fazlina Abdul Rahim. (2020). *14 Mercedes Benz untuk pimpinan kerajaan Kelantan*. Dimuat turun daripada <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/01/647321/14-mercedes-benz-untuk-pimpinan-kerajaan-kelantan>
- Redzuan RF8 Media. (2020). *Pemandu mabuk: Mana hero Melayu lawan PH sebelum ini?* Dimuat turun daripada <https://suarapakatandaily.com/archives/27869>
- Rosmiza Kasim. (2021). *Pas tidak pernah 'bisu' isu judi, arak*. Dimuat turun daripada <https://www.sinarharian.com.my/article/117253/BERITA/Politik/Pas-tidak-pernah-bisu-isu-judi-arak>
- Saiyid Radzuwan Syed Sopi. (2017). *Kejatuhan dan kebangkitan Parti Liberal Demokratik: puak gabungan politik Jepun*. Bangi: Penerbit UKM.
- Saiyid Radzuwan Syed Sopi. (2020). *Dari parti serpihan ke rakan gabungan Pakatan Harapan: Evolusi Gerakan Harapan Baru (2015-2018)*. *Jurnal Perspektif*, 12(1), 1-11.

- Saiyid Radzuwan Syed Sopi. (2021). Pakatan Harapan dan senario politik Kelantan: analisis pengajaran politik pasca PRU 14 (2018-2020). *e-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*, 8(1), 25-55.
- Siti Salwa Sha'ari. (2010). *Kerajaan Kelantan saman Petronas isu royalti*. Dimuat turun daripada <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2010/08/30/kerajaan-kelantan-saman-petronas-isu-royalti>
- Tamboo, T.K.L. (2014). *Najib minta kedutaan bantu Presiden PAS yang dirawat di Istanbul*. Dimuat turun daripada <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/najib-minta-kedutaan-bantu-presiden-pas-yang-dirawat-di-istanbul-36896>